

# TAP DINH DAN LY TAI DALAM PEMBERONTAKAN TAY SON

Ku Boon Dar<sup>1</sup>

## Abstract

The Tay Son Uprising (1771-1802) did not only worsen the political situation in Dang Trong and Dang Ngoai in Annam but also brought about the involvement of the Chinese community in the political turbulence. The fact that the Chinese community was actively involved in the uprising was evident through the participation individual or groups. At the beginning of the Tay Son Uprising, Tap Dinh and Ly Tai, two prominent Chinese merchants from China, had established important ties with Tay Son and played a dominant role in the success of the uprising. Nevertheless, their role was short lived, as Ly Tai later betrayed and defected to support the Early Nguyen family. This article attempts to examine the involvement of Tap Dinh and Ly Tai in the Tay Son Uprising. It further explores the reactions of the Tay Son troop and the Early Nguyen family regarding the two Chinese merchants in the early days of the movement. It was found that their primary contribution was in the form of military manpower, which eventually resulted in the success or failures of each party.

**Keywords:** Tay Son Uprising, Tap Dinh, Ly Tai, Early Nguyen, Chinese community in Annam

## Pengenalan

Pada tahun 1771, pemberontakan Tay Son yang diketuai oleh Nguyen Nhap, Nguyen Hue dan Nguyen Lu tiga bersaudara terencana di Daerah Tay Son dalam Provinsi Nghia Binh. Orang Cina muncul sebagai kumpulan penting yang membekalkan sumber tenaga dan kewangan kepada Tay Son Bersaudara di awal kebangkitan mereka. *Dai Nam Tuc Luc Tien Bien* (Veritable Records of Early Dai Nam) mencatatkan bahawa pada Februari 1773, apabila Nguyen Hue dari Tay Son Bersaudara memberontak, saudagar Cina Tap Dinh dan Ly Tai, masing-masing menubuhkan Pasukan Trung Nghia (Loyal and Righteous) dan Hoa Nghia (Peaceful and Righteous) untuk membantu Tay Son Bersaudara. Ahli pasukan Trung Nghia dan Hoa Nghia merupakan *thanh nhan* (orang Cina) yang kebanyakannya berasal dari Guangdong. Kedua-dua pasukan ini menjadi tonggak pasukan Tay Son Bersaudara sehingga setiap kali bertempur, pasukan lawan mereka, keluarga Nguyen Awal tidak berdaya menyaingi pasukan Tay Son Bersaudara.<sup>2</sup> Oleh itu, Le Quy Don melakarkan dalam catatannya bahawa huru-hara dalam negeri semakin menjadi kerana penglibatan saudagar-saudagar Cina seperti Tap Dinh dan Ly Tai yang menyahut seruan Tay Son Bersaudara untuk menyertai pemberontakan tersebut di Quy Nhon dan Quang Nam.<sup>3</sup> Pada Februari tahun 1773, Tap Dinh dan Ly Tai telah menyeru belia-belia Cina dari kampung halaman mereka menyertai pasukan Trung Nghia dan Hoa Nghia.<sup>4</sup> Di samping itu, tenaga baru yang menyertai pasukan

tersebut juga diambil melalui rangkaian pertubuhan-pertubuhan perniagaan (*huiguan*) yang ditubuh oleh Tap Dinh Hau dan Ly Tai di Annam.<sup>5</sup>

Namun, persoalan timbul dalam kalangan sarjana terhadap motif Tap Dinh Hau dan Ly Tai yang begitu ghairah melafazkan sokongan mereka terhadap pasukan Tay Son Bersaudara pada peringkat awal teretusnya pemberontakan ini. George Dutton contohnya berpendapat bahawa faktor ekonomi merupakan salah satu puncanya. Para saudagar Cina mengharapkan mereka mendapat habuan dan peluang perniagaan yang lebih di Annam. Di samping itu, mereka juga mengharapkan kadar cukai barangan yang lebih rendah sekiranya Tay Son Bersaudara dapat berkuasa kelak. Namun, George Dutton tidak menyanggah bahawa faktor politik juga memainkan peranan penting sehingga orang Cina beralih menyokong Tay Son Bersaudara.<sup>6</sup> Hal ini sedemikian kerana Tay Son Bersaudara berjanji akan “membebaskan” orang Cina daripada kezaliman pemerintahan keluarga Nguyen Awal dan juga berjanji akan melantik dalam kalangan mereka sebagai *vuong* (raja) memerintah di Dang Trong.<sup>7</sup>

Di awal pemerintahan keluarga Nguyen Awal, orang Cina telah diberi layanan yang baik. Golongan ini digalakkan berhijrah ke Dang Trong untuk menjalankan aktiviti perdagangan. Namun, menjelang tahun 1796 apabila teretusnya perang antara Quang Nam (selatan Vietnam) dengan Khmer (Kemboja), keluarga Nguyen Awal yang berkuasa di Quang Nam memerlukan dana yang besar lalu mengenakan pelbagai cukai ke atas para saudagar yang rata-rata terdiri daripada orang Cina. Li Tana berpendapat bahawa *tien dung* (cukai kepala) yang dinaikkan selepas tahun 1769 menyebabkan kehidupan rakyat dan para saudagar Cina khususnya terus dihimpit kesempitan.<sup>8</sup> Natijahnya, bibit-bibit ketidakpuasan mulai tersemai dalam kalangan orang Cina ke atas pemerintahan keluarga Nguyen Awal.

Justeru, tindak susul Tap Dinh dan Ly Tai ialah membekalkan sumber tenaga Cina kepada Tay Son Bersaudara untuk memantap pasukannya sepertimana dicatatkan oleh Labartette, pengembara Eropah pada tahun 1775. Menurutnya askar yang menganggotai Tay Son Bersaudara majoritinya terdiri daripada orang Cina.<sup>9</sup> Manakala *Dai Nam Chinh-Bien Liet Truyen So Tap* pula mencatatkan bahawa apabila askar Trinh mara ke Lurah Hai Van, dua pertiga daripada askar Tay Son Bersaudara adalah orang Cina. Mereka telah mendengar arahan Ly Tai dan Tap Dinh untuk bertempur dengan askar-askar Nguyen Awal.<sup>10</sup> Kumpulan askar Cina telah dicukurkan kepala mereka dan rambut dibiarkan bertocang seperti *thanh nhan* (orang Cina Manchu).<sup>11</sup> Di samping itu juga diperincikan bahawa askar Cina ini telah dihidang minuman arak bertujuan menaikkan semangat juang mereka di medan perang. Manakala badan mereka dibalut dengan wang kertas dupa menandakan kebulatan nekad mereka berkorban di medan peperangan demi Tay Son Bersaudara.<sup>12</sup>

## Latar Belakang Tap Dinh dan Ly Tai

Tap Dinh atau dalam sumber sejarah China mengenalnya Li Jiting. Beliau berasal dari Chiuchow (Chaozhou) di Provinsi Guangdong.<sup>13</sup> Pada tahun 1759, beliau telah belayar ke Annam (Vietnam) untuk menjalankan aktiviti perniagaannya. Semasa di Annam beliau telah mengahwini Tran Thi, seorang wanita tempatan sebagai isterinya. Di samping itu, Tap Dinh berkesempatan berkenalan dengan para peniaga Cina yang lain, antaranya seperti Hong A' Han, Liu A' Mei dan Sun A'Yu yang datang dari daerah-

daerah Huizhou dan Chaozhou di Guangdong.<sup>14</sup> Tap Dinh bukan sahaja berharta malah beliau digambarkan berkarisma dengan bakat kepimpinannya yang menonjol lalu diangkat sebagai ketua dalam kalangan saudagar Cina.<sup>15</sup> Apabila Pasukan Trung Nghia yang diasas oleh beliau berjaya mengundurkan angkatan Nguyen Awal, beliau telah dimasyhurkan oleh Tay Son Bersaudara sebagai *Sang Lap Cong* (Bapa Pengasas Negara). Manakala saudagar-saudagar lain seperti Hong A' Han, Liu A' Mei, Sun A' Yu, Ta A' Mu, Li A' Di dan sebagainya masing-masing diberi pangkat bertaraf jeneral dengan gelaran seperti *cong*, *hou* dan *ba*.<sup>16</sup>

Sementara itu, Ly Tai atau sumber China menggelarnya sebagai Li A' Zhi berasal dari Provinsi Fujian.<sup>17</sup> Semasa pemerintahan Maharaja Qianlong (r. 1736-1795), beliau telah berhijrah ke Hoi An (Faifoo) di Quang Nam untuk berdagang. Beliau mempunyai pertalian yang erat dengan golongan peniaga yang lain seperti Chen Ting, Chen Feng dan Cheng Gongzhang.<sup>18</sup> Dalam usaha membantu gerakan yang dicituskan Tay Son Bersaudara, beliau menubuhkan Pasukan Hoa Nghia. Pasukan Hoa Nghia bukan sahaja bertanggungjawab melatih askar-askar sebagai persiapan sebelum berperang, malah merekrut tenaga baru untuk diserap ke dalam pasukan Tay Son Bersaudara.<sup>19</sup>

Namun, laporan-laporan *Junjichu* (Grand Council) dari China menyatakan bahawa Ly Tai menggunakan cara peras ugut untuk merekrut rakyat tempatan menyertai Pasukan Hoa Nghia. Beliau dilaporkan pernah meminta Luo A' Qi (Lu A' Qi) menuliskan *wenxi* (perintah diraja untuk kerahan tentera) bertujuan memaksa orang Cina yang berhijrah ke Annam menyertai Pasukan Hoa Nghia. Yan Lishe, seorang peniaga dari Fujian contohnya dijatuhi hukuman bunuh manakala Xin A' Yin dan Lu A' Qi masing-masing dari Guangdong pula telah dikerat cuping telinga kerana keengganan mereka menyertai Pasukan Hoa Nghia.<sup>20</sup> Hukuman yang dijatuhkan ke atas Xin A' Yin dan Lu A' Qi dilihat sebagai satu amaran kepada orang Cina khususnya di Quang Nam. Lantaran dari ugutan dan seksaan ini, mahu tidak mahu para penghijrah Cina mahupun golongan saudagar Cina terpaksa akur dan menyertai pasukan Hoa Nghia. Antaranya seperti Wu A' Zhu bersama dengan 72 orang pengikutnya.<sup>21</sup> Walau bagaimanapun, laporan tersebut disangkal oleh sarjana Zhen Ruiming kerana menurutnya semangat waja perjuangan kumpulan Trung Nghia dan Hoa Nghia dalam menentang keluarga Nguyen Awal nyata terbukti.<sup>22</sup>

Catatan dalam *Kham Dinh Viet Su Thong Giam Cuong Muc* jelas menggambarkan semangat juang askar-askar Cina. Askar-askar Cina ini bertubuh sasa; semuanya dililitkan dengan kain merah di kepala dan wang kertas dupa di badan. Semasa di medan perang, mereka menggenggam erat tali kuda; memecut ke arah lawan dan berjuang dengan penuh keberanian.<sup>23</sup> Sesungguhnya, sokongan orang Cina mengukuhkan barisan pertahanan Tay Son Bersaudara sehingga memudahkan kemaraannya dari Qui Nhon ke Quang Nam, pusat pemerintahan keluarga Nguyen Awal. Para saudagar Cina pula telah menjalinkan hubungan yang erat dengan kepimpinan tertinggi Tay Son Bersaudara dan mereka tampak memainkan peranan yang aktif dan sebenarnya penting dalam tempoh awal gerakan tersebut seperti mana menurut George Dutton.<sup>24</sup> Sementara itu, Yan Caiqin pula melihat sokongan dan penyertaan orang Cina kepada Tay Son Bersaudara diibaratkan seolah-olah "seekor harimau yang ditumbuhi sayap" yang membawa pengertian penyertaan orang Cina ini menambah kekuatan kepada perjuangan Tay Son Bersaudara.<sup>25</sup>

## Peranan Tap Dinh dan Ly Tai dalam konflik di Dang Trong

Pada tahun 1773, keluarga Nguyen Awal yang diketuai oleh Tong Phuc Hiep sebagai *du tong* (Ketua Komander) mengetuai seramai tiga batalion (lebih kurang 20,000 askar) menuju ke Bukit Bich Ke untuk berperang dengan Tay Son Bersaudara.<sup>26</sup> Tetapi akhirnya berkat bantuan puteri Champa, Nguyen Thung dan Huyen Khe, dua orang peniaga dari Qui Nho serta Ly Tai dan Tap Dinh kepada pasukan Tay Son Bersaudara, Tay Son Bersaudara berjaya mengecap kejayaan besar dalam siri peperangan tersebut apabila ia berjaya membenamkan seluruh batalion Nguyen Awal.<sup>27</sup> Kejayaan Ly Tai dan Tap Dinh di Bukit Bich Ke (Bi Ji-Xinshan Longmen) yakni di sempadan Vietnam-China dekat Kunming (Western Hill Dragon Gate) merupakan kejayaan yang amat signifikan kepada Tay Son Bersaudara. Ini kerana, Bukit Bich Ke yang terletak di Phu My dalam kawasan Provinsi Binh Dinh merupakan *yilu* (post road) iaitu laluan dan tempat rehat kuda dan penunggangnya. Oleh itu kawasan tersebut merupakan kawasan strategik yang akan dilalui sama ada mereka bergerak dari mahupun menuju ke Dang Ngoai.<sup>28</sup> Lantaran itu, Yan Caiqin berpendapat bahawa kejayaan menawan kubu di Bukit Bich Ke amat bermakna kepada kebangkitan Tay Son Bersaudara dalam mengatur strategi peperangan mereka menentang Nguyen Awal kerana kepentingan kawasan tersebut dari segi topografi dan geografinya.<sup>29</sup>

Di samping itu, pertempuran tersebut juga merupakan pertempuran yang julung kali diadakan secara terang-terangan antara keluarga Nguyen Awal dengan Tay Son Bersaudara. Oleh itu, pertempuran di Bukit Bich Ke juga mempunyai signifikasinya yang tersendiri kepada kedua-dua belah pihak.<sup>30</sup> Di pihak Nguyen Awal sepertimana menurut Zheng Ruiming bahawa sekiranya mereka berjaya mematahkan serangan Tay Son Bersaudara bermakna pemberontakan Tay Son hanya akan dikenang sebagai pemberontakan yang lebih bersifat setempat dan percikan api gerakan ini akan terus dipadamkan dari bumi Annam secara keseluruhannya. Namun, keluarga Nguyen Awal mengalami kekalahan demi kekalahan di Bukit Bich Ke yang menurut Yu Changsen disebabkan askar-askar Nguyen Awal masih diulit dalam "zon selesa" dan tidak bersedia dalam pertempuran tersebut. Semangat dan moral askarnya rendah jika dibanding dengan askar Tay Son Bersaudara. Oleh itu, sebahagian besar daripada mereka melarikan diri tanpa bertempur dengan askar Tay Son Bersaudara yang berjuang habis-habisan.<sup>31</sup>

Lantaran itu, Tay Son Bersaudara juga berjaya menawan kawasan persisiran bandar pantai Qui Nhon termasuk Dien Khanh, Binh Khang dan Binh Thuan kerana Nguyen Awal tidak daya bertahan lalu terpaksa mengundurkan askar-askarnya.<sup>32</sup> Kejayaan ini menyebabkan Tay Son Bersaudara terus mara ke selatan di Dang Trong dan semasa kemaraan mereka, Tay Son Bersaudara menonjolkan identitinya yang tersendiri seperti membawa sepanduk merah sembilan meter panjang.<sup>33</sup> Pasukan Tay Son Bersaudara juga kuat mendesis semasa mereka menyerang dengan tujuan untuk menakutkan dan melemahkan moral Nguyen Awal. Lantaran itu, pasukan Tay Son Bersaudara sering dirujuk sebagai *quan o* (tentera yang berdesis).<sup>34</sup> Sementara itu angkatan Nguyen Awal pula terpaksa mengambil langkah awal dengan memaksa askar-askarnya kembali ke medan pertempuran. Antara lain, angkatan Nguyen Awal mengupah penyanyi-penyanyi wanita dan menempatkan mereka dalam setiap unit tentera. Penyanyi-penyanyi wanita ini telah diarahkan agar melagukan nyanyian semasa Tay Son Bersaudara berarak di sekitar desa atau semasa ke medan pertempuran.

Langkah sedemikian diambil kononnya untuk mengalih tumpuan angkatan Tay Son Bersaudara supaya mereka leka dan asyik terhadap adunan lagu-lagu dari penyanyi-penyanyi wanita tersebut.<sup>35</sup> Namun, Ly Tai dan Tap Dinh sedia maklum bahawa ini adalah tipu muslihat Nguyen Awal. Lalu Ly Tai dan Tap Dinh mengarahkan rambut askar-askarnya digunting sehingga tinggal tocang dan menghidangkan minuman arak sebagai “pengeras” sebelum pertempuran bertujuan menaikkan semangat askar-askarnya untuk menjadi lebih berani melawan musuh.<sup>36</sup>

Di samping itu, askar Tay Son Bersaudara juga dibekalkan kepingan emas atau kerajang perak untuk diletakkan di hidung musuh sebagai langkah berjaga-jaga memastikan kesahihan kematian askar-askar Nguyen Awal.<sup>37</sup> Kececalan pasukan Tay Son Bersaudara menyebabkan mereka muncul sebagai sebuah pasukan yang “tiada siapa dalam kalangan kuasa-kuasa lain mampu menentang mereka.”<sup>38</sup> Seterusnya Tay Son Bersaudara berjaya menawan Quang Nam dan Quang Ngai. Semenjak kemenangan itu, kumpulan Ly Tai dan Tap Dinh yang membekalkan tenaga dan wang ringgit dilihat sebagai tulang belakang gerakan ini sepertimana dakwaan Choi Byung Wook bahawa beliau [Ly Tai] memainkan peranan yang penting dalam ketenteraan pada tahap awal gerakan sehingga Tay Son Bersaudara semakin tersohor kerana mereka muncul sebagai sebuah kuasa kecil (kumpulan pemberontakan) yang dapat menyingkirkan sebuah kuasa yang lebih besar (Nguyen Awal).<sup>39</sup>

### Pakatan keluarga Trinh dengan Tay Son Bersaudara

Sementara itu pada tahun 1774, Trinh Sam (1739-1782) dari keluarga Trinh yang menguasai bahagian utara di Dang Ngoai mengambil kesempatan dari krisis antara Tay Son Bersaudara dengan keluarga Nguyen Awal mengerakkan lebih kurang 30,000 tentera ke Dang Trong. Angkatan Trinh yang diketuai oleh Hoang Ngu Phuc (1713-1716) menuju ke Thanh Hoa sambil berikrar akan mengembalikan ketenteraman di Dang Trong. Mereka berjanji kepada penduduk di Dang Trong akan menghapuskan pemberontakan yang dicetuskan oleh Tay Son Bersaudara serta menyingkirkan pemerintahan zalim Truong Phuc Loan dari keluarga Nguyen Awal.<sup>40</sup> Pada 4 November sehingga 2 Disember tahun 1774, angkatan Trinh berjaya menyeberangi garis lintang 18° sehingga tiba di Sungai Linh Gianh (100 meter ke utara dari Hue), yakni sempadan tradisi kekuasaan antara keluarga Trinh dan keluarga Nguyen Awal. Setelah berjaya melepasi kubu Dong Hoi tanpa tentangan. Trinh Sam berjaya menawan Thuan Hoa yang sedang dilanda kebuluran.<sup>41</sup> Kejayaan ini menyemarakkan keghairahan Trinh Sam untuk terus mara lagi. Pada bulan Oktober, 1774, Trinh Sam menuju ke Phu Xuan tetapi meninggalkan *dinh* (kubu) Thuan Hoa tanpa pengawasan ketat.<sup>42</sup>

Pengabaian kawalan ke atas Thuan Hoa yang merupakan kubu kuat keluarga Nguyen Awal di Quang Nam dimanfaatkan oleh Ly Tai dan Tap Dinh. Tay Son Bersaudara memperlengkapkan angkatannya di Lurah Hai Van dan berjaya menghalang kemaraan Nguyen Phuc Duong, putera Nguyen Phuc Khoat dan seterusnya berjaya menawan Quang Nam. Kejayaan pasukan Tay Son Bersaudara ini dilihat oleh Yan Caiqin sebagai kebijaksanaan Ly Tai dan Tap Dinh mengatur strategi. Strategi menyerang secara mengejut melalui daratan dan perairan memungkinkan penawanan Quang Nam dan tidak dapat dinafikan juga kejayaan ini adalah kerana sumbangan angkatan laut yang diketuai oleh Ly Tai dan Tap Dinh.<sup>43</sup> Namun semasa Tay Son Bersaudara menuju ke Lurah Hai Van, pasukan mereka ditentang habis-habis oleh angkatan Trinh di Cam Sa,

utara Hoi An.<sup>44</sup> Pada Februari 1775, Nguyen Truong Phuc terpaksa menerima kekalahan tersebut dan bandar Phu Xuan diserahkan kepada keluarga Trinh. Perubahan dalam lanskap politik ini menyebabkan Nguyen Trung Phuc melarikan diri ke Da Nang. Sepertimana kajian Charles J. Wheeler hasil penelitiannya terhadap salinan surat-surat paderi Labartette dan paderi Halbout, beliau berpendapat bahawa Hoi An, pelabuhan perdagangan utama di Quang Nam musnah sama sekali setelah penawanan Tay Son Bersaudara.<sup>45</sup> Lantaran itu, Nguyen Nhac segera mengutuskan utusan kedamaian kepada Hoang Ngu Phuc dari Trinh untuk berkompromi. Tujuannya agar angkatan Trinh menghentikan misi menawan Phu Xuan. Tay Son Bersaudara menyadari bahawa konflik dengan keluarga Trinh hanya merugikan pasukannya kerana kekuatan Tay Son Bersaudara adalah terhad. Ini ditambahi pula apabila jeneral Tong Phuc Hiep dari keluarga Nguyen Awal berjaya mematahkan serangan Tay Son Bersaudara di Phu Yen dan menawan semula bandar tersebut serta Binh Thuan. Ini menyebabkan cita-cita Tay Son Bersaudara mara ke Dang Trong tergendala sementara.<sup>46</sup>

Natijahnya, Tay Son Bersaudara berpendapat bahawa mereka perlu bekerjasama dengan keluarga Trinh lalu mengusulkan bahawa mereka akan membantu angkatan Trinh menyerang angkatan Nguyen Awal sekiranya Tay Son Bersaudara diiktiraf sebagai “angkatan pembebasan kaum tani Annam.” Saranan mereka dipersetujui oleh pihak Trinh lalu Nguyen Nhac mempersembahkan hadiah berupa emas dan sutera kepada pihak Trinh sebagai tanda pengiktirafan mereka ke atas keabsahan pemerintahan keluarga Trinh.<sup>47</sup> Kesediaan pihak Trinh menerima usul dari Tay Son Bersaudara dilihat merupakan satu pertimbangan yang pragmatik. Trinh menyadari bahawa angkatan mereka telah bergerak jauh dari lingkungan kawasan kekuasaan mereka di Dang Ngoai. Lantaran itu, keterbatasan dari segi logistik dan rangkaian bekalan makanan akan membahayakan angkatan dan misi mereka. Ini ditambahi pula, angkatan Trinh tidak begitu arif dengan topografi di Phu Xuan. Oleh itu, mereka berpendapat bahawa mereka hanya “rugi sedikit” apabila tidak menawan Phu Xuan berbanding dengan “pulangan” yang lebih lumayan sekiranya mereka hanya “duduk” memerhatikan pertempuran antara Nguyen Awal dengan Tay Son Bersaudara. Lalu Nguyen Nhac diiktiraf sebagai *tu lenh* (komander) dalam angkatan keluarga Trinh.<sup>48</sup>

Dengan pelan perdamaian ini, Tay Son Bersaudara berjaya menumpukan sepenuh pertempuran mereka dengan Nguyen Awal di Dang Trong. Nguyen Nhac membahagikan tenteranya kepada tiga angkatan. Ly Tai dan Tap Dinh bersama dengan hampir dua pertiga daripada askar-askar pasukan Tay Son Bersaudara menyerang Nguyen Phuc Thuan di Gia Dinh. Manakala Nguyen Nhac menyusuri dari Song Thu Bon (Sungai Thu Bon) bertindak sebagai pasukan dukung (backup). Pada April 1775, Nguyen Phuc Thuan tewas dalam pertempuran dan terpaksa berundur ke Cam Sa di Provinsi Quay Nam dengan meninggalkan anak saudaranya, Nguyen Phuc Duong. Ly Tai dan Tap Dinh berjaya mengejanya sehingga ke O Da dan Du Dien. Namun Nguyen Phuc Thuan berjaya membolosi kepungan Tay Son Bersaudara dan berundur ke Cau De (Da Nang) dan seterusnya ke Gia Dinh (Saigon).<sup>49</sup> Sementara itu, Nguyen Phuc Duong yang ditinggalkan dinobatkan sebagai *tan chinh vuong* (putera mahkota) dengan gelaran Dong Cung Hoang oleh Nguyen Nhac. Strategi yang dimainkan oleh Nguyen Nhac berjaya melemahkan pasukan Nguyen Awal kerana Nguyen Phuc Duong hanya merupakan putera mahkota boneka yang terpaksa mengikut telunjuk Nguyen Nhac. Pada masa yang sama, Nguyen Nhac juga mengambil kesempatan dari tempoh “keamanan” tersebut untuk menyuntik semangat dan memperkasakan

angkatan tenteranya.<sup>50</sup> Strateginya nyata berjaya mengekang pengaruh Nguyen Phuc Duong kerana Nguyen Nhac sekali lagi memperalatkan nama marga “Nguyen” untuk menambat hati seluruh penduduk di Quang Nam.<sup>51</sup> Segala dikri yang dikeluarkan berlapikkan atas titah perintah Nguyen Phuc Duong. Namun, pada waktu yang sama, perselisihan faham wujud antara Nguyen Nhac dengan Ly Tai dan Tap Dinh sepertimana dikhabarkan bahawa Nguyen Nhac tidak senang dengan perwatakan Tap Dinh yang panas baran, liar serta sukar dikawal.<sup>52</sup>

Di samping itu, tentera-tentera Tap Dinh dan Ly Tai juga dilaporkan selalu mengganggu wanita dan anak gadis penduduk tempatan.<sup>53</sup> Begitu juga dengan dakwaan surat dari mubaligh Sepanyol yang menggambarkan bahawa askar-askar Cina ini melakukan lebih banyak kekejaman daripada pasukan Tay Son Bersaudara dan juga pesaing-pesaing mereka.<sup>54</sup> Surat-surat mubaligh Pierre-Jacques Halbout contohnya menyatakan bahawa, “the rebels...are for the most part Chinese, and they have committed a thousand abominations, such as eating human flesh, saying that this is tastier than other meats.”<sup>55</sup> Sesungguhnya, konflik Nguyen Nhac dengan Ly Tai dan Tap Dinh bertambah ketara dengan pertabalan Nguyen Phuc Duong sebagai putera mahkota kerana Tap Dinh dari awal lagi berpendapat Nguyen Phuc Duong akan menjadi penghalang kepada cita-cita politiknya.<sup>56</sup> Lantaran itu, beliau kerap kali cuba mensabotaj Nguyen Phuc Duong tetapi tidak berjaya kerana selalu dinasihati oleh Ly Tai. Sementara itu, pada awal kerjasama antara Tay Son Bersaudara dengan keluarga Trinh lagi, komander-komander keluarga Trinh selalu mencanang kepada Nguyen Nhac memintanya menyingkir Tap Dinh dan Ly Tai yang digambarkan oleh mereka seperti “syaitan dalam angkatan.”<sup>57</sup> Bagi pihak Trinh, barangkali ini merupakan strategi mereka untuk melemahkan ikatan yang sedia terjalin antara Tap Dinh-Ly Tai dengan Tay Son Bersaudara.

Akhirnya pada tahun 1775, pakatan Trinh-Tay Son Bersaudara berpecah kerana tindakan keluarga Trinh yang diketuai oleh Hoang Ngu Phuc cuba menawan kubu Hai Van. Lalu Nguyen Nhac telah mengarahkan Tap Dinh bertindak sebagai barisan hadapan pertahanan manakala Ly Tai sebagai barisan tengah pertahanan. Namun dalam pertempuran tersebut, jeneral Hoang Dinh The dan jeneral Hoang Phung Co dari angkatan Trinh berjaya membunuh ramai askar Tap Dinh. Natijahnya, Tap Dinh terpaksa menyelamatkan diri lalu berundur ke Guangdong.<sup>58</sup> Namun beliau telah dihukum bunuh oleh wewenang China dengan dakwaan beliau membelot kepada negara kerana melarikan diri ke Annam tanpa keizinan wewenang China.<sup>59</sup> Sesungguhnya, semenjak teretusnya pemberontakan Tay Son Bersaudara di Annam, China menerima laporan daripada Gabenor Jeneral Lianguang, Zhing Yin yang menyatakan bahawa Tap Dinh, Ly Tai dan 72 orang Cina yang lain mencetuskan pergaduhan dan kekacauan di Annam. Pihak *Junjichun* (Grand Council) di China sekadar mengarahkan Zhing Yin cuba sedaya-upaya membawa gerombolan tersebut pulang semula ke China untuk menerima hukuman yang setimpalnya kerana kesalahan keluar dari China tanpa kebenaran serta menimbulkan kekacauan di negeri naungan [Annam]. Namun, tiada tindakan susulan dari pihak China untuk memadamkan percikan api pemberontakan Tay Son.<sup>60</sup> Ini kerana Maharaja Qianlong beranggapan bahawa kekacauan ini masih tidak mengganggu-gugat keselamatan sempadan negeri China. Pada pendapat baginda, pemberontakan tersebut sekadar persengketaan antara dua puak tani yang ingin merebut kawasan kekuasaan masing-masing lalu kebobrokan politik akibat pemberontakan tersebut dibiarkan tanpa sebarang usaha meredakannya.<sup>61</sup> Sementara itu, setelah mengalami kekalahan di Lurah

Hai Van. Nguyen Nhac dan Ly Tai terpaksa berundur ke Ban Tan di Van Lang-Lang Son, yakni sempadan antara Quang Nam dan Quang Ngai. Implikasi dari kekalahan ini tampak besar apabila selang beberapa bulan kemudian, Ly Tai bersama penyokong-penyokongnya seperti Tran Cong Chuong, Ha Hi Van, Tran Phuong, Tran Cong Chuong dan Mo Ty Sinh berpaling tadah dengan menyokong kem Nguyen Awal.<sup>62</sup>

### **Ly Tai Beralih Sokongan**

Tindakan beliau ini adalah lantaran daripada hubungannya yang makin renggang dengan Nguyen Nhac. Hakikatnya, faktor yang menyebabkan Ly Tai berpaling tadah telah sekian lama terbit sepertimana catatan *Dai Nam Tuc Luc*. Ini kerana setelah Nguyen Nhac berjaya memperolehi kekuasaan dengan bantuan Ly Tai, Ly Tai tidak mendapat layanan seperti mana yang diharapkan, sebaliknya mereka diperlakukan dengan biadap oleh Tay Son Bersaudara demi mengekang kuasanya.<sup>63</sup> Ini menyebabkan Ly Tai tawar hati dan timbul hasrat di hati meninggalkan pasukan Tay Son Bersaudara suatu hari kelak. Pertempuran di Cam Sa menyebabkan reputasi Ly Tai merundum apabila beliau tumpas di tangan Jeneral Hoang Dinh The dan Hoang Phung Co dari Nguyen Awal. Lantaran itu, peluang ini sekali lagi dimanfaatkan oleh pihak lawan dalam kalangan Nguyen Awal menghujahnya dengan pelbagai cerca maki.<sup>64</sup> Oleh itu, apabila Nguyen Nhac mengarahkan Ly Tai berkubu di Phu Yen pada tahun 1775, beliau mengambil kesempatan ini berjumpa dengan jeneral Tong Phuc Hop dan akhirnya berjaya dipujuk oleh Tong Phuc Hop agar menyebelahi keluarga Nguyen Awal.<sup>65</sup> Di awal penyertaan beliau dalam Nguyen Awal, Ly Tai mendapat kepercayaan dan harapan yang besar daripada Tong Phuc Hop. Tong Phuc Hop juga membawa Ly Tai mengadap Nguyen Phuc Thuan (1754-1777).

Pada bulan Mei 1776, semasa angkatan Tay Son Bersaudara memasuki Gia Dinh Tong Phuc Hop telah mengarahkan Ly Tai bernaung di bawah unit pimpinannya iaitu unit Tran Bien. Penggabungan kedua-dua kumpulan askar ini menambahkan kekuatan kepada Nguyen Awal sehingga memaksa Tay Son Bersaudara berundur ke Quy Ngoc. Seterusnya sebagai langkah berlangkah-langkah dan demi mengekang kemaraan Tay Son Bersaudara, Tong Phuc Hop berkubu di Binh Khang dan Ly Tai pula diberi kuasa autonomi mengawal di Bai Yet.<sup>66</sup> Perhatian yang diberikan oleh Tong Phuc Hop kepada Ly Tai menimbulkan iri hati dalam kalangan pemimpin-pemimpin dari Nguyen Awal yang lain khususnya Do Thanh Nhan yang memimpin pasukan Dong Son Quan. Kerjaya Do Thanh Nhon mulai bergemerlapan pada tahun 1775 apabila beliau berjaya menyelamatkan Nguyen Phuc Thuan ke Gia Dinh setelah bandar Phu Xuan terlepas ke tangan Tay Son Bersaudara. Pada Mei tahun 1776 pula, Do Thanh Nhan berjaya mengalahkan Nguyen Nhac di Dong Son dengan hanya berbekalkan kekuatan 3,000 askar.<sup>67</sup> Lantaran itu, pasukannya digelar Dong Son Quan [Pasukan Tiga Ribu]. Kejayaan Do Thanh Nhon di Dong Son juga menyebabkan Nguyen Phuc Thuan menganugerahkannya dengan gelaran *Ngoai Chuong Doanh Phuong Quan Cong* (The Duke).<sup>68</sup> Walaupun beliau tersohor kerana jasa dan kejayaannya dalam peperangan melawan Tay Son Bersaudara, namun beliau juga digambarkan berperwatakan "mudah kecil hati dan cepat iri hati terhadap kejayaan orang lain."<sup>69</sup> Lantaran itu, penyertaan Ly Tai dalam angkatan Nguyen Awal tidak dialu-alu malah dipulaukan oleh beliau. Ly Tai dan pasukan Hoa Nghia sentiasa dihina oleh Do Thanh Nhon sepertimana reaksi beliau mempersoalkan bahawa, "...kemasukan Ly Tai dalam angkatan [Tong Phuc



Hop] untuk membantu? Apakah kelebihan? Apakah kepakaran yang ada padanya [Ly Tai]?"<sup>70</sup> Lalu dengan nada menyindir, Do Thanh Nhon mempersoalkan kewibawaan Ly Tai dan menaburkan kata-kata kesatnya bahawa, "Ly Tai, siapa gerangan barua ini? Apa jadinya kita [pasukan Nguyen Awal] menerimanya [Ly Tai]?"<sup>71</sup> Oleh itu, apabila Tong Phuc Hop meninggal dunia pada Jun 1776, Ly Tai bersama pasukan Hoa Nghia seperti anak ayam kehilangan ibu.<sup>72</sup> Sebaliknya, Dong Son Quan terus menekan Ly Tai dan pasukan Hoa Nghia pimpinannya. Lantaran itu, demi kelangsungan politiknya, Ly Tai hanya mempunyai dua pilihan yakni sama ada terpaksa menghadapi Do Thanh Nhon secara berdepan ataupun berpaling tadah.<sup>73</sup> Ly Tai akhirnya mengumpulkan penyokongnya yang terdiri daripada masyarakat Cina *minh huong* dan *thanh ha*. Selain itu, akibat desakan untuk mendapatkan sokongan massa, beliau juga menerima segelintir kumpulan Cina yang lain tanpa menapis latar belakang mereka menyertai kumpulannya sehingga mencecah lapan ribu *duong nhan* (Chinese settlers). Seterusnya, beliau telah membentuk sebuah pasukan askar yang dinamakan sebagai Kumpulan Trung Dao Quan.<sup>74</sup> Lantaran itu, gerombolan lanun khususnya banyak menyelip masuk dan seterusnya bergiat aktif dalam kumpulan Trung Dao Quan sehingga Dian Murray berpendapat bahawa kumpulan Ly Tai [Ti Ts'ai] sebagai kumpulan peniaga bertukar menjadi lanun.<sup>75</sup> Trung Dao Quan dibahagikan kepada unit kuning dengan diketuai oleh Jeneral Ly Hien, unit merah diketuai oleh Jeneral Lam Tan, unit biru dipimpin oleh Jeneral Tran Ho dan unit putih diketuai oleh Jeneral Vuong Nam.<sup>76</sup> Sementara itu, Do Thanh Nhon pula bersama panglima perangnya seperti Do Huynh, Do Ky, Do Bo, Do Bang dan Do Nhan berjaya mengekang kemaraan Ly Tai sehingga memaksa Ly Tai berundur dan berselindung di Chieu Thai Son. Ly Tai akhirnya terpaksa mendirikan kubu pertahanannya di Giang Nguu Chu Nghi.<sup>77</sup>

Di awal pertempuran tersebut, Ly Tai berpura-pura mengalami kekalahan. Tujuannya adalah untuk mengumpan Dong Son Quan mara sehingga ke Thai San. Di Thai San, Ly Tai tiba-tiba melakukan serang-hendap terhadap Dong Son Quan di jambatan Kien Tan Ban dan berjaya menawan Gia Dinh. Pertempuran ini menyebabkan ramai anggota Dong Son Quan terbunuh, antaranya termasuk Nguyen Lieu. Akhirnya, pada November 1776, perselisihan ini dapat diredakan apabila Nguyen Phuc Khoat (1765-1776) campurtangan dan seterusnya mengarahkan Ly Tai menyerah Gia Dinh kepada Do Thanh Nhon. Lantaran episod campur tangan Nguyen Phuc Khoat, akhirnya beliau telah didesak menyerahkan takhta kepada Nguyen Phuc Duong (1776-1777) melalui satu rampasan kuasa yang digerakkan oleh Ly Tai bersama penyokongnya.<sup>78</sup> Kejayaan beliau menyingkirkan Nguyen Phuc Khoat menunjukkan bahawa Ly Tai bukan sahaja 'pemain utama' dalam ketenteraan malah pengaruhnya juga bertapak dalam catur politik di Dang Trong. Namun, penglibatan Ly Tai dalam konflik istana juga dilihat merupakan antara faktor yang menyebabkan kejatuhan kerjaya beliau di hari muka. Hal ini sedemikian kerana beliau telah mewujudkan banyak musuh khasnya kem yang diketuai oleh Nguyen Phuc Anh yang mendukung kekuasaan Nguyen Phuc Khoat.<sup>79</sup>

Walaupun Ly Tai lebih dinamik dalam persaingan kekuasaan berbanding dengan Nguyen Phuc Thuan dan Nguyen Phuc Anh. Namun selang beberapa bulan kemudian, beliau berjaya disingkirkan kerana dianiayai oleh angkatan Do Thanh Nhon dalam peristiwa peperangan melawan Tay Son Bersaudara di Tam Phu. Pada Mac tahun 1777, Nguyen Hue menyerang askar-askar Nguyen Awal melalui jalan air. Pada mulanya Ly Tai dan kumpulan Hoa Nghia bersama angkatan Nguyen Awal berganding bahu

melawan Tay Son Bersaudara. Oleh itu, sebaik sahaja Nguyen Hue mendarat di Tam Phu, pasukan Nguyen Awal berjaya mematahkan serangan Tay Son Bersaudara di Sungai Nguu Tan. Ini menyebabkan Tay Son Bersaudara terpaksa berundur dan berlindung di Tran Bien dan seterusnya ke Than Tan. Namun apabila jeneral Truong Phuc Dinh dari unit Dong San Quan mengambil-alih tampuk kuasa ketenteraan Nguyen Awal, beliau telah mengerahkan kumpulannya mara ke Gia Dinh dengan alasan kononnya memberi bantuan kepada kumpulan Hoa Nghia yang sedang berlawan dengan Tay Son Bersaudara. Sebaliknya Ly Tai dan kumpulannya diserang-hendap oleh unit Dong San Quan. Ini menyebabkan Ly Tai dan kumpulannya terpaksa melepaskan Hoc Mon tetapi akhirnya tumpas di Nguu Tan.<sup>80</sup> Setelah Ly Tai dibunuh, kumpulan Hoa Nghia diambil alih oleh Tran Phuong dan Tran Cong Cuong. Namun mereka terus kekal mendukung keluarga Nguyen Awal. Pada tahun 1778, Tran Phuong dibunuh oleh Pham Ngan, jeneral kepada Tay Son Bersaudara dalam satu pertempuran di Sungai Phuc Loc berhampiran Gia Dinh.<sup>81</sup> Pada tahun 1782 pula, Tran Cong Cuong berjaya membunuh Pham Ngan di Phan An Phuc Vien.<sup>82</sup>

Peristiwa pembunuhan Pham Ngan menimbulkan kekalutan pada Tay Son Bersaudara sehingga Nguyen Nhac yang terlalu sedih sanggup “mogok berperang” selama dua purnama lamanya.<sup>83</sup> Di samping itu, beliau juga teramat marah terhadap Tran Cong Cuong yang dianggapnya hanyalah merupakan seorang *trung nhan* yang telah berhijrah ke Vietnam tetapi berjaya membunuh jeneral kesayangannya.<sup>84</sup> Ini menyebabkan Nguyen Nhac melancarkan gerakan pembunuhan secara besar-besaran terhadap orang Cina di Gia Dinh.<sup>85</sup> Dianggarkan bahawa Tay Son Bersaudara telah membunuh hampir sepuluh ribu sehingga ke sebelas ribu orang Cina.<sup>86</sup> Ini kerana pembantaian ini bukan sahaja ditujukan kepada askar-askar Cina yang menyertai kumpulan Hoa Nghia tetapi juga kepada seluruh komuniti orang Cina sehingga digambarkan bahawa, “sepurnama lama lebihnya, tiada barang siapa yang berani menjamah hasil laut dan tiada juga barang siapa yang berani meneguk airnya.” Hal ini sedemikian kerana mayat-mayat bergelimpangan di perairan Phuc Loc.<sup>87</sup> Walau bagaimanapun motif di sebalik pembunuhan ini masih terus diperdebatkan oleh para sarjana. Antara lain Le Thanh Khoi yang melihat ia bukan sekadar faktor peribadi Nguyen Nhac untuk membalas dendam terhadap kematian Pham Ngan, jeneral kesayangannya tetapi juga meninjaunya dari faktor ekonomi. Beliau berpendapat bahawa tujuan pembunuhan ini adalah untuk memecahkan jaringan monopoli perdagangan oleh orang Cina.<sup>88</sup> Manakala menurut Alexander Woodside, beliau melihat bahawa pembunuhan tersebut lebih merupakan tindakan *protest* pihak Tay Son Bersaudara terhadap pencambahan masyarakat plural di Gia Dinh.<sup>89</sup> Sesungguhnya, pembunuhan ini mengubah landskap politik dan sosio-ekonomi Vietnam ketika itu khususnya di Gia Dinh dalam Delta Mekong.

## Kesan Pembunuhan 1782

Kesan daripada pembunuhan tahun 1782 ini sungguh nyata. Antaranya harga barangan di kawasan ini melambung tinggi. *Gia Dinh Thong Chi* mencatatkan bahawa pada tahun berikutnya (1783), satu *can* (500 gram) tea berkualiti rendah harganya mencecah sehingga lapan *quan* manakala sebatang jarum berharga 1 *tien* (100 *quan*). Ringkasnya, harga barang keperluan naik mendadak menyebabkan rakyat jelata menderita.<sup>90</sup> Lapan *quan* matawang di Dang Trong pada akhir tahun 1770-an adalah lebih kurang sama dengan

4 *tael* wang perak. Dibandingkan dengan harga barangan di China, lapan *quan* yang dibelanjakan boleh membeli teh berkualiti tinggi di Canton (Guangzhou) pada tahun 1775.<sup>91</sup> Di samping itu, pusat perdagangan (*dao pho*) Dong Nai di Tran Bien (Bien Hoa) dalam kawasan Gia Dinh yang sebelumnya mempunyai kepadatan penduduk Cina yang tinggi ternyata menunjukkan penurunan jumlah populasinya. Sebelum tahun 1782, Gia Dinh contohnya dianggarkan mempunyai lebih kurang 10,000 orang Cina tetapi dalam tempoh 1776 sehingga 1782 dan setelah Tay Son Bersaudara menyerang sebanyak lima kali dan ditambahi dengan peristiwa pembunuhan 1782, bilangan orang Cina telah menurun dengan ketara sehingga tinggal beratus sahaja.<sup>92</sup>

Sebelum peristiwa pembunuhan tahun 1782, pusat perdagangan Tran Bien di Gia Dinh merupakan sebuah entrepot dan kawasan metropolis yang tersohor dalam kalangan saudagar China dan Kepulauan Melayu. Kawasan ini telah digambarkan sebagai kawasan para peniaga berkumpul, kapal-kapal dari lautan dan sampan-sampan dari sungai berlabuh dan singgah.<sup>93</sup> Namun, situasi kesibukan pelabuhan ini tidak lagi terpancar apabila Tay Son Bersaudara menawannya pada tahun 1776. Ini kerana Tay Son Bersaudara bukan sahaja merobohkan rumah-rumah kediaman orang Cina malah mencungkil batu-bata, memungggah struktur bangunannya dan merampas harta benda penduduknya untuk dibawa ke Quy Nhon. Walaupun pada tahun 1788, Nguyen Phuc Anh (1762-1820) berjaya merampas semulanya dari pasukan Tay Son Bersaudara, namun kemakmuran kawasan tersebut tidak seperti era kegemilangannya. Walaupun populasi orang Cina menunjukkan peningkatan tetapi jumlah keseluruhan penduduknya tidak mencecah 1/10 seperti sebelum peristiwa pembunuhan tahun 1782 yang berjumlah lebih kurang tiga ribu orang.<sup>94</sup> Manakala deretan rumah-rumah kedai di kotanya hanya setakat tiga *li* (1.44 km) berbanding dengan sebelumnya yang memanjang sehingga lima *li* (2.4 km).<sup>95</sup>

Begitu juga dengan kota My Son yang sebelum ini merupakan metropolitan yang "hidup" dengan dikelilingi rumah bata mewah serta rumah-rumah ibadat yang gagah. Di pelabuhannya, kapal-kapalnya bertali arus berlabuh dan para saudagar dari pelbagai pelosok dunia datang berdagang. Kesibukan pelabuhannya diibaratkan seperti kerja-kerja menenun kain yang tidak terputus.<sup>96</sup> Namun keadaan ini berubah apabila Tay Son Bersaudara menyerangnya pada tahun 1782. Semua bangunan, rumah kedai dan rumah kediamannya habis terbakar sehingga hangus bak padang jarak padang terukur. Walaupun kota ini pulih pada tahun 1788 dan ramai antara penduduknya kembali semula ke My Son, tetapi jumlah populasi penduduknya tidak sampai separuh daripada zaman kegemilangan sebelumnya.<sup>97</sup> Hal ini demikian kerana ramai para saudagar Cina terpaksa melarikan diri semasa penyerangan askar-askar Tay Son Bersaudara di My Son. Antaranya dicatatkan bahawa sesetengah daripada orang Cina ini telah berhijrah sehingga ke Terengganu. Sepertimana diceritakan oleh keluarga Lin bahawa moyang keluarganya asalnya dari Annam yang telah melarikan diri apabila berlakunya rusuhan pada tahun 1773.<sup>98</sup> Menurutnyanya lagi bahawa,

Mereka melarikan diri menggunakan sampan dan akhirnya tiba di Terengganu. Semua ahli kumpulannya terdiri daripada lelaki kecuali tiga orang perempuan. Mereka membawa makanan dan barangan bernilai, dua daripada wanita tersebut menyorok barang kemas dengan menyimpul kemas di peha menggunakan kain (*cotton fabrics*). Tindakan ini sebagai langkah berjaga-jaga kerana mereka khuatir berkemungkinan bertembung dengan lanun-lanun semasa belayar nanti. [Wong Yao 1967]

Kajian Li Tana juga menunjukkan bahawa penghijrahan keluar para pedagang dari Delta Mekong telah membawa kesan jangka panjang kepada sektor perdagangannya. Ini kerana pertumbuhan pesat Delta Mekong berhubung kait dengan kepesatan aktiviti perdagangannya.<sup>99</sup> Di samping itu, pembunuhan ini juga menyebabkan sokongan orang Cina yang pada asalnya bertaut kepada Tay Son Bersaudara beralih sokongan kepada keluarga Nguyen Awal. Ini kerana, menurut You Jianshe bahawa tindakan pembunuhan beramai-ramai tersebut adalah langkah politik sempit Tay Son Bersaudara. Kesan dari pembunuhan ini menurutnya menyebabkan orang Cina di Quang Nam terpaksa menzahirkan pendirian dan sokongan mereka secara terbuka kepada keluarga Nguyen Awal. Peralihan sokongan orang Cina di Quang Nam kepada pasukan Nguyen Awal dilihat olehnya merupakan antara faktor yang membawa kepada keruntuhan pemerintahan Tay Son Bersaudara itu sendiri pada tahun 1802 kelak.<sup>100</sup>

## Kesimpulan

Tegasnya, tercetusnya pemberontakan Tay Son telah mengheret para saudagar yang berdagang dan masyarakat Cina yang bermastautin turut terpalit dalam kancah politik di Annam. Hal ini demikian kerana pemberontakan ini merupakan kebangkitan Tay Son Bersaudara menghadapi keluarga Nguyen Awal di Dang Trong dan kemudiannya keluarga Trinh di Dang Ngoai. Lantaran itu masyarakat Cina yang diwakili oleh Tap Dinh dan Ly Cai terpaksa menzahirkan pendirian mereka terhadap pasukan yang mereka dukungi. Pada permulaan tercetusnya pemberontakan, Tap Dinh dan Ly Cai dengan pasukan Trung Nghia dan pasukan Hoa Nghia masing-masing telah mengisytiharkan sokongan mereka terhadap Tay Son Bersaudara. Mereka mengalaskan harapan terhadap Tay Son Bersaudara agar memelihara kelangsungan politik dan keutuhan ekonomi mereka di Annam. Dalam pada itu, penglibatan mereka dalam Tay Son Bersaudara nyata memberi kemenangan demi kemenangan kepada pasukan tersebut. Ini kerana sumbangan utama mereka adalah membekalkan sumber tenaga dengan mempelawa ramai pemuda dari China menyertai Tay Son Bersaudara sehingga bilangan ahli dalam pasukan Tay Son Bersaudara terus berkembang dari masa ke semasa. Di samping itu, congakan tepat dan strategi bijak yang diatur oleh Tap Dinh dan Ly Tai menghadapi keluarga Nguyen Awal juga menyebabkan Tay Son Bersaudara terus meraih kemenangan demi kemenangan sejak awal gerakan lagi.

Namun selepas kematian Tap Dinh, Ly Tai terpaksa berpaling padah dengan menyokong keluarga Nguyen Awal. Langkah drastik diambil oleh beliau kerana kecewa dengan tindakan mencantas oleh pihak Tay Son Bersaudara yang cuba menyekat kebangkitan serta penglibatan aktifnya dalam arena politik di Annam. Namun semasa bersama keluarga Nguyen Awal, beliau sekali lagi terjebak dalam kebobrokan politik dalam Nguyen Awal. Konflik, persengketaan dan persaingan kuasa dengan kumpulan Dong Song Quan pimpinan Do Thanh Nhon menyebabkan beliau tersungkur dari arus perdana politik di Annam. Tegasnya, situasi kebejatan politik di Annam ketika itu seolah-olah tidak mengizinkan masyarakat Cina seperti mana dipotretkan oleh Tap Dinh dan Ly Tai untuk mencampuri urusan hal ehwal politik dalaman apatah lagi cubaan bertapak di persada politiknya. Sebaliknya peranan dan penglibatan masyarakat Cina lebih dialu-alukan oleh pimpinan Tay Son Bersaudara dan Nguyen Awal sebagai kerahan tenaga dalam usaha mencapai cita-cita politik mereka. Walaupun begitu,

kumpulan Hoa Nghia masih terus berjuang bersama Nguyen Awal menghadapi Tay Son Bersaudara tetapi kini kumpulan tersebut dipimpin oleh Tran Phuong dan Tran Cong Cuong. Bara kemarahan Nguyen Nhac meledak apabila Pham Ngan terbunuh dalam pertempuran dengan pasukan Hoa Nghia lantas beliau mengarahkan pembersihan etnik Cina di Gia Dinh tahun 1782. Impak dari peristiwa pembunuhan tersebut nyata ketara kerana menyebabkan ekonomi kawasan tersebut merundum dan mengakibatkan penghijrahan masyarakat Cina keluar dari Quang Nam.

## Nota

- <sup>1</sup> Ku Boon Dar ialah pensyarah di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia. Beliau boleh dihubungi melalui email: kubd@usm.my
- <sup>2</sup> *Dai Nam Tuc Luc Tien Bien* (Primary Collection of the Veritable Records of Dai Nam), Vien Han Nom, Hanoi, vol. 11, VHv1320/1. [《大南实录》，前编。]
- <sup>3</sup> Le Quy Don, *Phu Bien Tap Luc* (Frontier Chronicles), Vien Han Nom, Hanoi, vol. 1. 44a. VHv1181/1-2. [黎贵惇，吴时仕《抚边杂录》，卷一。]
- <sup>4</sup> *Dai Nam Tuc Luc Tien Bien* (Primary Collection of the Veritable Records of Dai Nam), Vien Han Nom, Hanoi, vol. 11, VHv1320/1. [《大南实录》，前编。]
- <sup>5</sup> *Junjichu Lufu Zouzhe* (Memorial Copies by the Grand Council), 29 Januari 1776. Dlm: Chen Zhi Chao et al., 1982. *Gudai Zhongyue Guanxi Shizi Liaoxuanbian* (The Compilation on the Ancient Sino-Vietnamese Relations). Beijing: Zhongguo Shehui Kexue Chubanshe, hlm. 654-655. [《军机处录副奏折》，陈智超等编，《古代中越关系史资料选编》，北京：中国社会科学出版社。]
- <sup>6</sup> G. Dutton, 2006. *The Tay Son Uprising: Society and Rebellion in Eighteenth-Century Vietnam*. Honolulu: University of Hawai'i Press, hlm. 200.
- <sup>7</sup> Perez, "La Revolte," 68. Dlm: G. Dutton, 2006. *The Tay Son Uprising: Society and Rebellion in Eighteenth-Century Vietnam*. Honolulu: University of Hawai'i Press, hlm. 200.
- <sup>8</sup> Li Tana, 1998. *Nguyen Cochinchina: Southern Vietnam in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*. Ithaca: Southeast Asia Program Publications, Southeast Asia Program, Cornell University, hlm. 37-58.
- <sup>9</sup> "Surat Labartette kepada Boiret, 28 June 1775," MEP 800, 1471. Dlm: G. Dutton, 2006. *The Tay Son Uprising: Society and Rebellion in Eighteenth-Century Vietnam*. Honolulu: University of Hawai'i Press, hlm. 200.
- <sup>10</sup> *Dai Nam Chinh-Bien Liet Truyen. So Tap* (First Collection of the Primary Compilation of Biographies of Imperial Vietnam). Vien Han Nom, Hanoi, vol. 30. VHv172. [《大南实录正编列传初集》，卷三十：《伪西列传》。]
- <sup>11</sup> Vietnam menggelar orang Cina yang berhijrah atau berniaga di Vietnam sebagai *Bac Khach* atau *Bac Nhan* (orang utara - 北人). Sila lihat Wu Fengbin et al., 1994. *Dongnanya Huaqiao Tongshi* (History of Southeast Asia Chinese Oversea). Fuzhou: Fujian Renmin Chubanshe, hlm. 189-181. [吴凤斌等著，《东南亚华侨通史》，福州：福建人民出版社。]
- <sup>12</sup> *Dai Nam Thuc Luc Tien Bien* (Primary Collection of the Veritable Records of Dai Nam). Vien Han Nom, Hanoi, vol. 11, VHv1320/1. Dalam tulisan Han Nom, digambarkan sebagai 《战则醉饮，裸身悬金钱纸冲阵》。
- <sup>13</sup> Chin Chengho, 1956. Ha Tien Tran Diep Tran Mac Thi Gia Pha. Dlm: Dai Kelai dan Yang Baoyun (eds.), 1991. *Lingnan Chihkuai Teng Shihliao San Chung* (Linh Nam Chich Quai). Zhengzhou: Zhongzhou Guji Chunbanse, hlm. 65. [陈荆和，《河仙镇叶镇郑氏家谱注释》，戴可来、杨保筠校注，《岭南摭怪等史料三種》，郑州：中州古籍出版社。]
- <sup>14</sup> Laporan *Junjichu* (Grand Council), *Gudai Zhongyue Guanxi Shizi Liaoxuanbian*. hlm. 654-655. Lihat juga Memorial Yang Jingsu, 5 Julai 1777. Gabenor jeneral Liangguang tentang penempatan isteri Li Jiting dan enam orang yang lain di kubu pertahanan tentera, Nangang,

- Taipei: Academia Sinica, No: 03-1360-041. [《两广总督杨景素奏请将李阿集妻陈氏等六名分赏江宁等处驻防兵丁事》，（录副奏折，乾隆四十二年六月初一日），国家清史编纂工作资源库。]
- 15 Laporan dari *Junjichu* (Grand Council), 29 Januari 1776, *Gudai Zhongyue Guanxi Shizi Liaoxuanbian*. hlm. 654-655.
  - 16 Secara tradisinya, darjah kebesaran ini dianugerahkan kepada para pegawai kerajaan yang telah berkhidmat dengan cemerlang dalam kerja-kerja pentadbiran mahupun kerana sumbang bakti mereka yang istimewa kepada raja Vietnam. Urutan hieraki darjah kebesaran ini adalah *Cong, Hau, Ba, Tu* dan *Nam*. Sila lihat R. Jumper and Nguyen Thi Hue, 1962. *Notes on the Political and Administrative History of Viet Nam, 1802-1962*. Saigon: Michigan State Unverssity and Vietnam Advisory Group, hlm.22.
  - 17 Walau bagaimanapun dalam pensejarahan Vietnam, kedua-dua Ly Tai dan Tap Dinh didakwa sebagai orang Cina yang berasal Provinsi Guangdong. Sila lihat Phan Thanh Gian, 1871. *Kham Dinh Viet Su Thong Giam Cuong Muc* (The Imperially Ordered Mirror and Commentary on the History of the Viet). Vietnam National Library, Hanoi, vol. 44. R524. [潘清简，《钦定越史通鉴纲目》。] Sementara itu, kajian Zhang Wenhe menyatakan bahawa Ly Tai merupakan salah satu daripada pemimpin Thien Dia Hoi (Tian Di Hui - Heaven and Earth Society). Sila lihat Zhang Wenhe, 1975. *Yuenan Huaqiao Shihua* (Chronicle of Vietnamese Oversea Chinese). Taipei: Liming Wenhua Shiye Gongsu, hlm. 41. [张文和，《越南华侨史话》，北市：黎明文化事业公司。]
  - 18 Zhen Ruiming, 2001. *Shilun Yuenan Huaren Zai Xi Jiu Ruanzhi Zheng Zong Suo Banyan De Juese* (The Roles of Chinese in Vietnam during the Conflicts between the Two Nguyens: A Preliminary Discussion. Dlm: Xu Wentang (ed), 2001. *Yuenan Zonghuo yu Taiwan Guanxi de Zhuanbian* (Changes of Vietnam's Relations with China and Taiwan). hlm. 5.
  - 19 Le Quy Don, *Phu Bien Tap Luc*. vol. 1, 44a. Lihat juga *Dai Nam Chinh-Bien Liet Truyen*. *So Tap* (First Collection of the Primary Compilation of Biographies of Imperial Vietnam). vol. 30, hlm. 2-4.
  - 20 Laporan dari *Junjichu*, 29 Januari 1776. Dlm: *Gudai Zhongyue Guanxi Shizi Liaoxuanbian*. hlm. 655.
  - 21 *Ibid.* hlm. 654-655.
  - 22 Zhen Ruiming, 2001. *Shilun Yuenan Huaren Zai Xi Jiu Ruanzhi Zheng Zong Suo Banyan De Juese*. hlm. 7.
  - 23 Phan Thanh Gian, *Kham Dinh Viet Su Thong Giam Cuong Muc* (The Imperially Ordered Mirror and Commentary on the History of the Vietnam). Vietnam National Library. Hanoi, vol. 44, R524. [《钦定越史通鉴纲目》。]
  - 24 G. Dutton, 2006. *The Tay Son Uprising: Society and Rebellion in Eighteenth-Century Vietnam*, Honolulu: University of Hawai'i Press, hlm. 200.
  - 25 Yan Caiqin, 2007. 17 Shiji Zhongqi zhi 19shiji chu Yuenan Huashang Yanjiu (A Study on the Chinese Merchants in Vietnam from the Mid-17th Century to Early 19th Century). Ph.D thesis, Xiamen University, hlm. 192. [闫彩琴，《17世纪中期至19世纪初越南华商研究(1640-1802)》，厦门大学博士论文。]
  - 26 *Dai Nam Tuc Luc Tien Bien* (Primary Collection of the Veritable Records of Dai Nam), vol. 11, hlm. 9. [《大南实录》，前编。]
  - 27 *Ibid.*
  - 28 Cao Xuan Duc, Luu Duc Xung dan Tran Xan, 1941. *Dai Nam Nhat Thong Chi* (Unification Records of *Dai Nam*). Vol. 9, Tokyo: Riben Yinduzhina Yanjiuhui, hlm. 16. [高育春，劉德稱，陳燦，《大南一统志》，东京：日本印度支那研究会。]
  - 29 Yan Caiqin, 2007. 17 Shiji Zhongqi Zhi 19shiji Cu Yuenan Huashang Yanjiu... hlm. 193.
  - 30 Zheng Ruiming, *Qingdai Yuenan de Huaqiao*, hlm. 79.
  - 31 Yu Changsen, 1993. Yuenan Xishan Nongmin Qiyi Qi Jian de Zhongyue Guanxi (Sino-Vietnamese Relationship during Tay Son Rebellion Period). *Dongnan Yaxuekan* (Journal of

- Southeast Asian Studies) 10(1):76. [喻常森, 《越南西山农民起义期间的中越关系》, 载于《东南亚学刊》。]
- <sup>32</sup> Diterjemah dari *Dai Nam Tuc Luc Tien Bien* (Primary Collection of the Veritable Records of Dai Nam), vol. 11, hlm. 19.
- <sup>33</sup> Perez, "La Revolte," hlm. 74. Dlm: G. Dutton, 2006. *The Tay Son Uprising: Society and Rebellion in Eighteenth-Century Vietnam*, Honolulu: University of Hawai'i Press, hlm. 42.
- <sup>34</sup> *Dai Nam Chinh Bien Liet Truyen*, vol. 2.
- <sup>35</sup> Chen Qinghao dan Wang Sanqing (eds), 1987. *Hoang Le nhat thong chi* (The Unification Records of the Imperial Le), Paris-Taipai: Ecole Francaise d'Extreme-Orient and Student Book Company, hlm. 189. [陳慶浩, 王三慶主編, 鄭阿才, 朱鳳玉校點, 《皇黎一統志》, 台北: 法国远东学院出版, 台湾学生书局印行。]
- <sup>36</sup> *Dai Nam Chinh Bien Liet Truyen*, vol. 11, hlm. 17.
- <sup>37</sup> Chen Qinghao dan Wang Sanqing (eds), 1987. *Hoang Le Nhat Thong Chi*, hlm. 189.
- <sup>38</sup> Le Quy Don, *Phu Bien Tap Luc*, vol. 71 dan juga *Dai Nam Chinh Bien Liet Truyen*, vol. 2.
- <sup>39</sup> Choi Byung Wook, 2004. *Southern Vietnam under the Reign of Minh Mang (1820-1841)*. Ithaca: Southeast Asia Program Publications, Southeast Asia Program, Cornell University, hlm. 36.
- <sup>40</sup> *Dai Nam Tuc Luc Tien Bien* (Primary Collection of the Veritable Records of Dai Nam), vol. 12, hlm. 3.
- <sup>41</sup> *Ibid.*
- <sup>42</sup> *Phu Bien Tap Luc*, vol. 1.
- <sup>43</sup> Yan Caiqin, 2007. 17 Shiji Zhongqi zhi 19shiji chu Yuenan Huashang Yanjiu, hlm. 194.
- <sup>44</sup> *Dai Nam Tuc Luc Tien Bien* (Primary Collection of the Veritable Records of Dai Nam). vol. 12, hlm. 3.
- <sup>45</sup> C.J. Wheeler, 2001. Cross-Cultural Trade and Trans-Regional Networks in the Port of Hoi An: Maritime Vietnam in the Early Modern Era. Ph.D. dissertation, Yale University, hlm. 191-193.
- <sup>46</sup> Guo Zhenduo dan Zhang Xiaomei (eds), 2000. *Yuenan Tongshi* [General History of Vietnam]. Beijing: Renming Daxue Chubanshe, hlm. 514. [郭振铎, 张笑梅主编, 《越南通史》, 北京: 人民大学出版社。]
- <sup>47</sup> *Ibid.*
- <sup>48</sup> Minh Tranh dan Pham Hoanh Khoa, 1958. *So Thao Luoc su Viet Nam* (Outline History of Vietnam). terj. Lu Gu. Beijing: Sanlian Shudian, hlm. 237. [明峥、范宏科著, 吕谷译, 《越南史略》(初稿), 北京: 三联书店。]
- <sup>49</sup> *Dai Nam Chinh-Bien Liet Truyen, So Tap* (First Collection of the Primary Compilation of Biographies of Imperial Vietnam). vol. 30, hlm. 6. [《大南实录正编列传初集》, 卷三十, 《伪西列传》。] dan lihat juga *Dai Nam Tuc Luc Tien Bien* (Primary Collection of the Veritable Records of Dai Nam). vol. 12, hlm. 3.
- <sup>50</sup> Zheng Ruiming, 2001. Shi Lun Yuenan Huaqiao Zai Xin Jiu Ruan zhi Zheng zhong suo Ban Yan de Jiaose. Dlm: Xu Wentang (ed), *Yuenan, Zhongguo yu Taiwan Guanxi de Zhuanbian* ((Changes of Vietnam's Relations with China and Taiwan). Taipei: Zhongyang Yanjiuyuan Dongnanya Quyuyanjiu Jihua, hlm. 36.
- <sup>51</sup> Walaupun Tay Son Bersaudara asalnya dari suku Ho, dipercayai keturunan dari Ho Quy Ly, tetapi menukar kepada marga "Nguyen" demi mewajarkan diri mereka kononnya mempunyai hubungan kekeluargaan dengan waris raja pemerintahan Vietnam. Sepertimana menurut Tran Trong Kim, dengan mendakwa mereka berasal dari suku keturunan "Nguyen" yang sebenarnya adalah mengikut marga ibu mereka adalah bertujuan untuk mendapat sokongan orang ramai. Cubaan menjustifikasi penggunaan nama marga "Nguyen" adalah penting kepada Tay Son Bersaudara kerana pemerintahan Ho Quy Ly yang dihubungkan dengan keturunannya tidak mendapat pengiktirafan yang sah dan masih dianggap sebagai titik-hitam dari kaca mata pihak Vietnam. *Kham Dinh Viet Su Thong Giam Cuong Muc* [The Imperially Ordered Mirror and Commentary on the History of the Viet] contohnya mencatatkan bahawa pemerintahan Ho Quy Ly adalah pemerintah yang tidak sah sama seperti Zhu Di (1402-1424

Maharaja Yongle) daripada Dinasti Ming di China yang didakwanya telah merampas kuasa daripada anak saudaranya.

- <sup>52</sup> *Dai Nam Chinh-Bien Liet Truyen, So Tap* (First Collection of the Primary Compilation of Biographies of Imperial Vietnam). vol. 30, hlm. 6.
- <sup>53</sup> Pham Van Dang, 1973. *Van Hoc Tay Son* (Tay Son Literature), Saigon: Lua Thieng, hlm. 22. Penulis merakamkan terima kasih kepada Vu Duong Luan, Institute of Vietnamese Studies and Development Sciences, Viet Nam National University kerana memaklum dan menterjemahkan maklumat tersebut.
- <sup>54</sup> Perez, "La Revolte," hlm. 85. Dlm: George Dutton, *The Tay Son Uprising: Society and Rebellion in Eighteenth-Century Vietnam*. hlm. 201.
- <sup>55</sup> Surat Labartette to Boiret, 21 July 1775, *Nouvelles Letters*, 6: 288. *Ibid.*
- <sup>56</sup> *Dai Nam Tuc Luc Tien Bien* (Primary Collection of the Veritable Records of Dai Nam). vol. 12, hlm. 4.
- <sup>57</sup> *Dai Viet Su Ki Tuc Bien* (A Continuation of the Historical Records of Dai Viet). Vien Han Nom, Hanoi, A1189-A.4.
- <sup>58</sup> *Dai Nam Tuc Luc Tien Bien*. vol. 12, hlm. 4.
- <sup>59</sup> *Edict* Maharaja Qianlong, 1 November 1781. *Qinggao Zongshilu*. vol. 996. Namun dalam *Dam Nam Tuc Luc*. vol. 184, mendakwa beliau terbunuh dalam satu siri pemberontakan yang lain di Vietnam.
- <sup>60</sup> Laporan Zhing Yin kepada Junjichun, 28 Februari 1775. *Qing Gaozong Shilu*. vol. 999. hlm. 12-13.
- <sup>61</sup> Liu Yue-wu, 2008. Qianlong Shiqi de Annan Zhengce Yanjiu (One Study on the Relationship between China nad Vietnam during the Ruling of Qianlong). *Qinghai Shefan Daxue Xuebao* (Journal of Qinghai Normal University) 5(1): 63-64. [柳岳武, 《乾隆时期的安南政策研究》, 《青海师范大学学报》。]
- <sup>62</sup> Vu The Dinh, Ha Tien Tran Diep Tran Mac Thi Giao Pha (The Genealogy of the Mac Family in Hatien). Dlm. Dai Kelai & Yang Baoyun (eds.), 1991. *Lingnan Zhiguai Deng Shiliao San Zhong* (Linh Nam Chich Quai). Zhengzhou: Zhongzhou Guji Chunbanse, hlm. 300.
- <sup>63</sup> *Dai Nam Tuc Luc Tien Bien* (Primary Collection of the Veritable Records of Dai Nam). vol. 12. hlm. 8.
- <sup>64</sup> *Ibid.*
- <sup>65</sup> *Ibid.*
- <sup>66</sup> *Ibid.* hlm. 11.
- <sup>67</sup> *Dinh Viet Su Thong Giam Cuong Muc*. National Library of Vietnam, Hanoi, vol. 44, A524. [欽定越史通鑑綱]
- <sup>68</sup> *Dai Nam Tuc Luc Tien Bien* (Primary Collection of the Veritable Records of Dai Nam). vol. 27, hlm. 22.
- <sup>69</sup> *Ibid.* vol. 12, hlm. 11.
- <sup>70</sup> *Ibid.*
- <sup>71</sup> *Ibid.* Dalam bahasa Han Nom, ditulis sebagai [《李才，狗屁之人，用之何益》。]
- <sup>72</sup> *Gia Dinh Thanh Thong Chi*. vol. 6, hlm. 221.
- <sup>73</sup> *Ibid.*
- <sup>74</sup> Pensejarahan Vietnam menamakan kumpulan penyangak seperti perompak dan lanun dengan istilah-istilah seperti *ta*, *phi*, *thanh phi*, *nghich phi*, *son tac*, *son phi* dan *hoi phi*. Pada abad ke-18, banyak kumpulan lanun menyelina masuk dan seterusnya bergiat aktif dalam kumpulan Trung Dao Quan. Sila lihat Zheng Guangnan, 1999. *Zhongguo Haidao Shi* (History of Chinese Pirates). Shanghai: Huaidong Ligong Xaxue, hlm. 275-318.
- <sup>75</sup> Dian Murray, 1987. *Pirates of the South China Coast, 1790-1810*. Stanford, Calif.: Stanford University Press, hlm. 35.
- <sup>76</sup> *Dai Nam Tuc Luc Tien Bien*. vol. 27, hlm. 22.
- <sup>77</sup> *Ibid.* vol. 12, hlm.11. Ly Tai bukan sahaja membekalkan anak buahnya dengan pisau dan pistol (shotgun) tetapi juga lapan kaki panjang lembing leper yang digambarkan tajamnya



mampu menghiris dan menikam ikan. Sementara itu, tubuh badan mereka dililitkan dengan wang kertas dupa menandakan kebulatan hati mereka untuk berkorban di medan perang. Manakala Do Thanh Nhon juga melakukan pelbagai cara untuk menaikkan semangat juang askar-askarnya. Mereka juga dibekalkan dengan parang, pisau dan lembing. Malah meminta mereka mengecatkan muka dengan beraneka warna; menyalakan tanglung pada batang kayu dengan api marak dan menyediakan batang rotan yang boleh melentur seperti ekor burung merak.

- <sup>78</sup> *Gia Dinh Thanh Thong Chi*. vol. 6, hlm. 221.
- <sup>79</sup> *Dai Nam Tuc Luc Tien Bien* (Primary Collection of the Veritable Records of Dai Nam). vol. 12, hlm. 14.
- <sup>80</sup> *Gia Dinh Thong Chi*. vol. 2: Thanh Tri Chi, hlm. 78. Sila lihat juga *Dai Nam Thuc Luc Tien Bien*. vol. 12, VHv.1320/1. [《大南实录前编，卷十二记睿宗孝定皇帝十二年》。] *Dai Nam Liet Truyen Tien Bien*. vol. 2, VHv.172. [《大南列传前编》。]
- <sup>81</sup> *Dai Nam Tuc Luc Tien Bien*. De Nhat Ky (Primary Collection of the Veritable Records of Dai Nam). vol. 1, hlm. 5.
- <sup>82</sup> *Gia Dinh Thong Chi*. vol. 2: Thanh Tri Chi, hlm. 78.
- <sup>83</sup> *Dai Nam Tuc Luc Tien Bien*. vol. 12, hlm. 7. Sila lihat juga *Dai Nam Liet Truyen Tien Bien* [《大南列传前编》之〈下皇子传〉。]
- <sup>84</sup> Bukan sahaja Nguyen Nhac yang berasa sedih. Tetapi Nguyen Khoa Kien, salah seorang komander perang Tay Son Bersaudara juga bertempur sehingga ke titisan darah tetapi masih tidak mengaku kalah sehingga akhirnya beliau terbunuh dalam pertempuran menentang kumpulan Hoa Nghia. Sila lihat juga Xiao Yishan, 1972. *Qingdai Tongshi* (A History of the Qing Dynasty). vol. 2, Taipei: Shangwu Yinshuguan. [萧一山, 《清代通史》, 第二卷第一篇, 台北: 商务印书馆。]
- <sup>85</sup> *Dai Nam Thuc Luc*. vol. 88. Lihat juga *Nguyen Thi Tay Son Ki*. Vien Han Nom, Hanoi, 11a, A3138. Lihat juga *Su Ky Dai Nam Viet Quoc Trieu*. hlm. 25-26.
- <sup>86</sup> *Dai Nam Liet Truyen Tien Bien*. vol. 30, hlm. 10. [《大南实录正编列传初集》卷三十: 伪西列传。]
- <sup>87</sup> *Ibid.*
- <sup>88</sup> Le Thanh Khoi, 1981. *Histoire du Viet Nam: des Origines a 1858*. Paris: Sudestasia, hlm. 313.
- <sup>89</sup> AB. Woodside, 1971. *Vietnam and the Chinese Model: A Comparison of Vietnamese and Chinese Government in the First Half of the Nineteenth Century*. Cambridge: Harvard University Press, hlm. 4.
- <sup>90</sup> *Gia Dinh Thong Chi*. vol. 2: Thanh Tri Chi, hlm. 78.
- <sup>91</sup> MH. Ballou, 1926. *The Chronicles of the East India Company Trading to China 1635-1834*. vol. 1. Oxford: Clarendon Press, hlm. 325.
- <sup>92</sup> *Junjichu Lufu Zouzhe* (Memorial Copies by the Grand Council). *Gudai Zhongyue Guanxi Shizi Liaoxuanbian*. hlm. 658.
- <sup>93</sup> Chen Chingho, 1956. Zheng Huaide Zhuan Jiading Tongzhi Chengchi Zhi Zhushi (Annotations on Gia Dinh Gazetteer: On towns). *Nanyang Xuebao* 12(2), hlm. 23.
- <sup>94</sup> Angka 3,000 diambil oleh Yang daripada Koffler. Sila lihat juga Nguyen The Anh, 2006. L'immigration chinoise et la colonisation du delta du Mekong. *The Vietnam Review* 1, Autumn-Winter, hlm. 154-177. Terjemahan dalam bahasa Cina, [http://www.boxun.com/hero/2007/nanshanxia/40\\_1.shtml](http://www.boxun.com/hero/2007/nanshanxia/40_1.shtml). [Diakses pada 20 Oktober 2006]
- <sup>95</sup> Chen Chingho, 1956. Zheng Huaide Zhuan Jiading Tongzhi Chengchi Zhi Zhushi (Annotations on Gia Dinh Gazetteer: On towns). *Nanyang Xuebao* 12 (2). hlm. 24.
- <sup>96</sup> *Gia Dinh Thanh Thong Chi* (Record of Gia Dinh). vol. 5. [郑怀德: 《嘉定通志》, 卷五, “物产志”。]
- <sup>97</sup> Surat Andre Ton, 1 July 1784, *Nouvelles Letters Edifiantes*. vol. 6. hlm. 438. Andre Ton mencatatkan bahawa setahun selepas pembunuhan tersebut, para pedagang Cina kembali semula ke Delta Mekong menjalankan aktiviti perniagaan mereka. Dlm: G. Dutton, 2001. The

- Tay Son Uprising: Society and Rebellion in Late Eighteenth-Century Viet Nam, 1771-1802. Ph.D thesis, University of Washington, hlm. 379.
- <sup>98</sup> Wong Yao, 1967. *Xing Ma Huaren Zhi* (The History of the Chinese in Malaysia and Singapore). Hong Kong: Mingjian Press, hlm. 12. Lihat juga Tan Chee Beng, 2002. *Chinese Minority in a Malay State: The Case of Terengganu in Malaysia*. Singapore: Times Media Private Limited, hlm. 16-17. Menuru kajiannya, orang Annam [Vietnam] datang berniaga di Kuala Terengganu dengan menjual beras (dikenali sebagai *lam jiam bi*) dan membawa balik *lauji* (pinang atau areca nut) dan *kambit* (gambir).
- <sup>99</sup> Li Tana, 2001. Cang Hai Sang Tian: The Chinese Communities in the 18<sup>th</sup> Century Mekong Delta. Dlm: *An International Symposium China and Southeast Asia: Historical Interactions*. 19-21 July 2001, Centre of Asian Studies, University of Hong Kong, Hong Kong, hlm. 9.
- <sup>100</sup> You Jian-she, 2003. 17 Shiji Hou Qi - 19 Shiji Zhong Qi Yuenan de Huaqiao Huaren (Vietnamese Oversea Chinese from the late 17<sup>th</sup> century to Mid-19<sup>th</sup> Century). M.A thesis, Zhengzhou University, hlm. 33. [尤建設, 《17世纪后期-19世纪中期越南的华侨华人》, 郑州大学硕士论文。]

## Rujukan

- Ballou, MS, 1926. *The Chronicles of the East India Company Trading to China 1635-1834*. vol. 1. Oxford: Clarendon Press.
- Cao Xuan Duc, Luu Duc Xung dan Tran Xan, 1941. *Dai Nam Nhat Thong Chi* (Unification Records of Dai Nam). Tokyo: Riben Yinduzhina Yanjiuhui, Tokyo. [高育春, 劉德稱, 陳燦, 《大南一统志》, 东京: 日本印度支那研究会。]
- Chen Qinghao dan Wang Sanqing (eds), 1987. *Hoang Le Nhat Thong Chi* (The Unification Records of the Imperial Le). Paris-Taipai: Ecole Francaise d'Extreme-Orient and Student Book Company. [陳慶浩, 王三慶主編, 鄭阿才, 朱鳳玉校點, 《皇黎一统志》, 台北: 法国远东学院出版, 台湾学生书局印行。]
- Chen Zhi Chao et al., 1982. *Gudai Zhongyue Guanxi Shizi Liaoxuanbian* (The Compilation on the Ancient Sino-Vietnamese Relations). Beijing: Zhongguo Shehui Kexue Chubanshe. [《军机处录副奏折》, 陈智超等编, 《古代中越关系史资料选编》, 北京: 中国社会科学出版社。]
- Choi Byung Wook, 2004. *Southern Vietnam under the Reign of Minh Mang (1820-1841)*. Ithaca: Southeast Asia Program Publications, Southeast Asia Program, Cornell University.
- Dai Kelai dan Yang Baoyun (eds), 1991. *Lingnan Chihkuai Teng Shihliao San Chung* (Linh Nam Chich Quai). Zhengzhou: Zhongzhou Guji Chunbanse. [戴可來、楊保筠校注, 《嶺南摭怪等史料三種》, 鄭州: 中州古籍出版社。]
- Dai Nam Chinh-Bien Liet Truyen, So Tap* (First Collection of the Primary Compilation of Biographies of Imperial Vietnam). VHv172, Vien Han Nom, Hanoi. [《大南实录正编列传初集》。]
- Dai Nam Tuc Luc Tien Bien* (Primary Collection of the Veritable Records of Dai Nam). VHv1320/1, Vien Han Nom, Hanoi. [《大南实录》, 前编。]
- Dinh Viet Su Thong Giam Cuong Muc*, A524, National Library of Vietnam, Hanoi. [《欽定越史通鑑綱》。]
- Dutton, G, 2006. *The Tay Son Uprising: Society and Rebellion in Eighteenth-Century Vietnam*, Honolulu: University of Hawai'i Press.

- Guo Zhenduo dan Zhang Xiaomei (eds), 2000. *Yuenan Tongshi* [General History of Vietnam], Beijing: Renming Daxue Chubanshe. [郭振铎, 张笑梅主编, 《越南通史》, 北京: 人民大学出版社。]
- Jumper, R, dan Nguyen Thi Hue, 1962. *Notes on the Political and Administrative History of Viet Nam, 1802-1962*. Saigon: Michigan State University and Vietnam Advisory Group.
- Minh Tranh dan Pham Hoanh Khoa, 1958. *So Thao Luoc su Viet Nam* (Outline History of Vietnam). terj. Lu Gu. Beijing: Sanlian Shudian. [明崢、范宏科著, 吕谷译, 《越南史略》(初稿), 北京: 三联书店。]
- Murray, D, 1987. *Pirates of the South China Coast, 1790-1810*, Stanford: Stanford University Press.
- Le Quy Don, 1776. *Phu Bien Tap Luc* (Frontier Chronicles). VHv1181/1-2, Vien Han Nom, Hanoi. [黎贵惇, 吴时仕《抚边杂录》。]
- Li Tana, 1998. *Nguyen Cochinchina: Southern Vietnam in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*, Ithaca: Southeast Asia Program Publications, Southeast Asia Program, Cornell University.
- Li Tana, 2001. Cang Hai Sang Tian: The Chinese Communities in the 18 Century Mekong Delta. An International Symposium China and Southeast Asia: Historical Interactions, 19-21 July 2001, Centre of Asian Studies, University of Hong Kong, Hong Kong.
- Liu Yue-wu, 2008. Qianlong Shiqi de Annan Zhengce Yanjiu (One Study on the Relationship between China and Vietnam during the Ruling of Qianlong). *Qinghai Shefan Daxue Xuebao* (Journal of Qinghai Normal Univeristy) 5 (1). [柳岳武, 《乾隆时期的安南政策研究》, 《青海师范大学学报》。]
- Nguyen The Anh, 1996. L'immigration chinoise et la colonisation du delta du Mekong. *The Vietnam Review* 1, Autumn-Winter. terj. dalam bahasa Cina, [http://www.boxun.com/hero/2007/nanshanxia/40\\_1.shtml](http://www.boxun.com/hero/2007/nanshanxia/40_1.shtml). [Diakses pada 20 Oktober 2006]
- Pham Van Dang, 1973. *Van Hoc Tay Son* (Tay Son Literature). Saigon: Lua Thieng.
- Phan Thanh Gian, 1871. *Kham Dinh Viet Su Thong Giam Cuong Muc* (The Imperially Ordered Mirror and Commentary on the History of the Vietnam). R524, Vietnam National Library, Saigon. [《钦定越史通鉴纲目》。]
- Tan Chee Beng, 2002. *Chinese Minority in a Malay State: The Case of Terengganu in Malaysia*. Singapore: Times Media Private Limited.
- Wheeler, CJ, 2001. Cross-Cultural Trade and Trans-Regional Networks in the Port of Hoi An: Maritime Vietnam in the Early Modern Era. Ph.D dissertation, Yale University.
- Wong Yao, 1967. *Xing Ma Huaren Zhi* (The History of the Chinese in Malaysia and Singapore). Hong Kong: Mingjian Press. [黄尧, 《星马华人志》, 香港: 明鉴出版社。]
- Woodside**, AB, 1971. *Vietnam and the Chinese Model: A Comparison of Vietnamese and Chinese Government in the First Half of the Nineteenth Century*. Cambridge: Harvard University Press.
- Wu Fengbin et al., 1994. *Dongnanya Huaqiao Tongshi* (History of Southeast Asia Chinese Oversea). Fuzhou: Fujian Renmin Chubanshe. [吴凤斌等著, 《东南亚华侨通史》, 福州: 福建人民出版社。]
- Xiao Yishan, 1972. *Qingdai Tongshi* (A History of the Qing Dynasty). vol. 2. Taipeh: Shangwu Yinshuguan. [萧一山, 《清代通史》, 第二卷第一篇, 台北: 商务印书馆。]
- Xu Wentang (ed), 2001. *Yuenan Zonghuo yu Taiwan Guanxi de Zhuanbian* (Changes of Vietnam's Relations with China and Taiwan). Taipeh: Zhongyang Yanjiuyuan

- Dongnanya Quyuyanjiu Jihua. [郑瑞明, 〈试论越南华侨在「新旧阮之争」中所扮演的角色〉, 许文堂主编: 《越南、中国与台湾关系的转变》, 台北: 中央研究院东南亚区域研究计划。]
- Yan Caiqin, 2007. 17 Shiji Zhongqi zhi 19shiji chu Yuenan Huashang Yanjiu (A Study on the Chinese Merchants in Vietnam from the Mid-17th Century to Early 19th Century). Ph.D thesis, Xiamen University. [闫彩琴, 《17世纪中期至19世纪初越南华商研究 (1640-1802)》, 厦门大学博士论文]
- You Jian-she, 2003. 17 Shiji Hou Qi - 19 Shiji Zhong Qi Yuenan de Huaqiao Huaren (Vietnamese Oversea Chinese from the Late 17 century to Mid-19<sup>th</sup> Century). M.A thesis, Zhengzhou University. [尤建设, 《17世纪后期-19世纪中期越南的华侨华人》, 郑州大学硕士论文]
- Yu Changsen, 1993. Yuenan Xishan Nongmin Qiyi Qi Jian de Zhongyue Guanxi (Sino-Vietnamese Relationship during Tay Son Rebellion Period). *Dongnan Yaxuekan* (Journal of Southeast Asian Studies) 10 (1). [喻常森, 《越南西山农民起义期间的中越关系》, 载于《东南亚学刊》。]
- Zhang Wenhe, 1975. *Yuenan Huaqiao Shihua* (Chronicle of Vietnamese Oversea Chinese). Taipei: Liming Wenhua Shiye Gongsu. [张文和, 《越南华侨史话》, 北市: 黎明文化事业公司。]